

Lawatan Sambil Belajar Pegawai-pegawai Audit Dari Emiriah Arab Bersatu Pada 25 April hingga 7 Mei 2011

Jabatan Audit Negara telah menerima lawatan sambil belajar delegasi dari Emiriah Arab Bersatu mulai 25 April 2011 hingga 5 Mei 2011. Delegasi ini terdiri 15 pegawai audit dan dibahagikan kepada 2 kumpulan. Kumpulan pertama terdiri dari 5 pegawai memulakan latihan mereka pada 25 hingga 29 April manakala kumpulan kedua yang terdiri dari 10 pegawai memulakan latihan pada 3 hingga 7 Mei 2011.

Program latihan ini bertujuan mempelajari kaedah dan teknik jenis-jenis pengauditan serta jaminan kualiti pengauditan. Lawatan ini juga akan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Jabatan Audit Negara dan Institusi Audit Emiriah Arab Bersatu.

Pada 25 April 2011, delegasi daripada kumpulan pertama telah diraikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara (KAN) dan pegawai-pegawai kanan JAN di satu jamuan tengah hari di Hotel Concorde Shah Alam manakala delegasi kumpulan kedua diraikan oleh YBhg, Dato' Mustafa Bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara Sektor Negeri yang mewakili YBhg. Tan Sri KAN di IOI Palm Garden Resort, Putrajaya.

Beberapa program lawatan telah diatur sempena lawatan delegasi ini. Antara topik-topik taklimat yang disampaikan Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pengauditan Indeks Akauntabiliti, Pengauditan Kontrak & Perolehan, Penggunaan CAATs dalam Pengauditan IT dan isu-isu berbangkit, Pengauditan Syarikat Kerajaan dan Pengauditan Pengurusan Sumber manusia dan isu-isu audit. Pada akhir latihan, setiap delegasi tersebut telah diberi sijil penyertaan.

Delegasi juga telah dibawa melawat ke bandar Sejarah Melaka, Akademi Audit Negara (AAN), Pejabat Audit Cawangan Negeri Sembilan, Menara Berkembar Petronas, Karyaneka serta lawatan sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Delegasi Audit Dari Emiriah Arab Bersatu



Sesi bergambar delegasi pegawai-pegawai Audit dari Emiriah Arab Bersatu (Kumpulan 1) bersama YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara, YBhg. Dato' Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan Encik Zulkipli Bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan.



Sesi bergambar delegasi pegawai-pegawai Audit dari Emiriah Arab Bersatu (Kumpulan 2) bersama YBhg. Dato' Mustafa Bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Negeri) dan Encik Boon Jon Lim, Pengarah Sektor Badan-badan Berkanun Persekutuan.

Gambar Sekitar Lawatan

